

Kakitangan awam diminta derma RM1 seorang

PUTRAJAYA 8 Jan. - Kakitangan awam diminta menyumbang RM1 seorang bagi Tabung Bencana Banjir yang ditubuhkan oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs).

^{Um} ^{ali} Presidennya, Omar Osman berkata, tabung yang ditubuhkan minggu lalu, mendapat restu Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“Justeru bagi membantu meringankan beban mereka, Cuepacs mengambil langkah menubuhkan Tabung Bencana Banjir untuk mengutip derma,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.